



ANTARA video tular di laman sosial mengenai kekecohan yang berlaku di Jalan TAR di antara penguat kuasa DBKL dengan peniaga tanpa lesen.

Kuala Lumpur: Kehadiran penjaja tanpa lesen yang menjalankan perniagaan di laluan pejalan kaki menghalang pergerakan orang ramai dan menyebabkan kesesakan terutama ketika musim persiapan Aidilfitri.

Itu penjelasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berhubung tindakan penguatkuasanya terhadap penjaja belon tanpa lesen di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) malam kelmarin

hingga cetuskan pergaduhan.

Video kejadian dan insiden perbalahan itu tular di media sosial semalam.

Dalam kenyataannya, DBKL memaklumkan rondaan berkala dijalankan mendapati kehadiran beberapa penjaja tanpa lesen yang menjalankan perniagaan di laluan pejalan kaki.

Penjaja agresif terima teguran ketiga

“Seperti amalan biasa, DBKL memberi teguran terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan diambil. Penjaja tanpa lesen lain memberikan kerjasama dan beredar dari kawasan itu.

“Bagaimanapun, seorang penjaja belon enggan mematuhi arahan dan terus berniaga seperti

biasa walaupun sudah diberi teguran sebanyak dua kali.

“Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan diambil terhadap penjaja belon tanpa lesen di kawasan Jalan TAR pada 28 Mac 2025 (Jumaat), sekitar jam 11.50 malam,” kata kenyataan itu.

Menurut DBKL, penjaja terabit bertindak agresif ketika di-

berikan teguran kali ketiga sehingga berlaku sentuhan fizikal apabila dia menolak petugas penguat kuasa yang sedang menjalankan tugas.

“Bagi mengelakkan keadaan menjadi lebih tegang, anggota penguat kuasa berpakaian preman bertindak pantas menenangkan dan memisahkan penjaja terabit daripada terus mengasari petugas DBKL,” katanya.